


SULIT
3766/1
PERNIAGAAN
KERTAS 1
MASA 1 1/4 JAM



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG

MODUL LATIHAN BERFOKUS KBAT SPM 2020

PERNIAGAAN

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Gambar di bawah menunjukkan dua jenis produk.



- 1 Pernyataan manakah yang menerangkan produk di atas.
 - I Tidak nyata
 - II Untuk keselesaan
 - III Mempunyai bentuk fizikal
 - IV Berbentuk nyata dan boleh disentuh
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 2 Apakah kelebihan bentuk pemilikan Kedai Runcit Zam & Dina berbanding Maju Enterprise?
 - A Menanggung liabiliti tidak terhad
 - B Risiko perniagaan yang disebarluaskan
 - C Perniagaan bermotifkan keuntungan
 - D Dikenakan cukai keuntungan yang tinggi

- 3 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan perniagaan usaha sama?
- A Berkongsi kepakaran
 - B Perniagaan bersifat kekal
 - C Gabungan tidak memerlukan modal
 - D Laporan kewangan tidak dilaporkan
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan.
- Liputan pasaran merentasi sempadan
 - Dihubungi dengan adanya internet
- Apakah jenis skala tersebut?
- A Skala zon
 - B Skala global
 - C Skala negeri
 - D Skala kebangsaan
- 5 Mengapakah sektor utama dengan sektor kedua saling berkaitan antara satu sama lain?
- A Mengamalkan pengkhususan
 - B Menyokong perkembangan ekonomi
 - C Aktiviti dijalankan memberi nilai faedah
 - D Membekalkan bahan mentah untuk diproses
- 6 Apakah peranan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) kepada usahawan?
- A Menyediakan latihan
 - B Memberikan bantuan kewangan
 - C Mempromosikan perniagaan yang dijalankan
 - D Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan

- 7 Pilih pernyataan yang benar tentang trend persekitaran perniagaan.
- A Trend perniagaan terbahagi kepada trend menaik, trend menurun dan trend mendatar
 - B Trend menurun menggambarkan keadaan yang konsisten dalam perniagaan
 - C Trend perniagaan dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran
 - D Trend menaik menunjukkan jaringan perniagaan yang positif
- 8 Apakah tujuan undang-undang berkaitan perlindungan pengguna digubal?
- I Garis panduan untuk memulakan perniagaan
 - II Boleh mendapat ganti rugi sekiranya barang rosak
 - III Mengeluarkan produk yang tidak menjaskan kesihatan
 - IV Memastikan setiap premis mempunyai pelan kecemasan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 9 Pernyataan manakah yang menerangkan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek pasaran?
- A Pelaksanaan dasar fiskal dan dasar kewangan oleh kerajaan
 - B Sesebuah perniagaan boleh menjalankan aktiviti untuk persaingan yang sihat
 - C Kemasukan barang import yang murah boleh menjaskan perniagaan tempatan
 - D Apabila trend menurun dalam guna tenaga, kadar pengangguran akan meningkat

10 Gambar di bawah menunjukkan logo sebuah organisasi perniagaan.



Pilih penentuan pernyataan visi, misi dan objektif perniagaan bagi organisasi di atas dari aspek perniagaan.

- A Organisasi bukan bermotifkan untung
- B Organisasi bermotifkan untung
- C Pertubuhan sukarela
- D Koperasi

11 Maklumat di bawah berkaitan dengan objektif perniagaan Kilang Encik Aiman.

“Kita akan mengeluarkan sebanyak 10 000 pasang baju sukan pada tahun hadapan.”

Apakah ciri objektif yang dipenuhi oleh Kilang Encik Aiman?

- A Munasabah (Realistic)
- B Jangka masa (Time frame)
- C Boleh dicapai (Attainable)
- D Boleh diukur (Measurable)

12 Maklumat di bawah berkaitan dengan objektif perniagaan.

LS Lanskap merancang untuk melaksanakan hiasan landskap di Taman Belia, Pulau Pinang bagi tempoh setahun.

Apakah kaedah yang boleh digunakan oleh LS Lanskap untuk melihat perkembangan projek tersebut?

- A Graf
- B Carta Gantt
- C Jadual kerja
- D Analisis SWOT

- 13 Mengapakah penetapan visi penting untuk sebuah organisasi perniagaan?
- I Membantu mencapai matlamat penubuhan organisasi
 - II Bertindak sebagai garis panduan pekerja bahagian operasi
 - III Menjadi pendorong kepada pihak pengurusan dan pekerja
 - IV Membantu meningkatkan jualan dan keuntungan dalam jangka pendek
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV
- 14 Antara berikut, manakah yang merupakan faktor luaran yang boleh mempengaruhi pencapaian visi, misi dan objektif dalam sebuah organisasi perniagaan?
- I Ekonomi
 - II Sosiobudaya
 - III Kewangan
 - IV Sumber manusia
- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV
- 15 Apakah kaedah yang diperlukan untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dalam sebuah perniagaan?
- A Meningkatkan pembayaran gaji
 - B Menambah bilangan kakitangan
 - C Membawa masuk teknologi baharu
 - D Mengadakan latihan dan pembangunan

- 16 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan pakej tuisyen yang akan ditawarkan oleh Pusat Tuisyen Cemerlang.

Pusat Tuisyen Cemerlang

- Mata pelajaran yang ditawarkan untuk pelajar SPM: Perniagaan, Perakaunan, Ekonomi, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia & Biologi
- 1 mata pelajaran RM 50.00
- Empat mata pelajaran RM 160.00 sahaja

Puan Liza bercadang untuk membuka sebuah pusat tuisyen di Taman Bertam Perdana, Kepala Batas dengan menawarkan pakej mata pelajaran di atas. Apakah bahagian fungsian yang perlu diwujudkan di pusat tuisyen tersebut?

- I Pembelian
 II Pengagihan
 III Kewangan
 IV Pentadbiran
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 17 Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan suatu bahagian fungsian Syarikat MFI Sdn Bhd.

Irfan : Saya bertanggungjawab mendapatkan dan mengurus profil pelanggan. Ini amat penting untuk bahagian fungsian saya membuat penyelidikan tentang permintaan pengguna di pasaran

Apakah bahagian fungsian yang terlibat dalam situasi di atas?

- A Jualan
 B Kewangan
 C Pemasaran
 D Pengagihan

- 18 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan pembangunan produk baharu?
- I Meningkatkan kualiti produk
 - II Mengeluarkan produk baharu
 - III Mengubah suai produk sedia ada
 - IV Meningkatkan produktiviti produk
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 19 Mengapakah penggunaan e-mel sangat penting kepada sesebuah perniagaan?
- A Penyampaian maklumat lebih cepat
 - B Penghantaran maklumat mudah dan cepat
 - C Meningkatkan komunikasi di kalangan pekerja
 - D Mengurangkan gangguan yang berlaku dalam proses komunikasi
20. Mengapakah sesebuah perniagaan perlu menjalinkan hubungan yang baik dengan pembekal?
- A Menyediakan kemudahan kredit
 - B Membekalkan bahan mentah tepat pada masa
 - C Menawarkan perkhidmatan penghantaran bahan atau barang
 - D Mengadakan rundingan perniagaan tentang syarat perniagaan

21 Pernyataan di bawah merujuk kepada peranan pengurusan sumber manusia dalam perniagaan.

“Pekerja-pekerja Kilang Kasut BATA sentiasa diberi penghargaan serta ganjaran berdasarkan kebolehan mereka untuk mereka bentuk dan mengubah suai kasut keluaran kilang”

Pernyataan manakah menerangkan peranan pengurusan sumber manusia di atas?

- A Memantapkan budaya profesional
- B Menggalakkan kreativiti dan inovasi
- C Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
- D Membentuk persekitaran kerja yang positif dan harmoni

22 Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

“Encik Adam Pegawai Sumber Manusia di Syarikat Melati Sdn. Bhd telah mengeluarkan notis kepada semua pekerja untuk memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan sosial bermula 1 Julai 2020”

Apakah aspek pengelolaan yang diamalkan oleh Encik Adam?

- A Penyelesaian masalah
- B Penghargaan dan hukuman
- C Struktur organisasi perniagaan
- D Standard prosedur operasi tugas

23 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan struktur organisasi dalam sesebuah perniagaan?

- I Mematuhi prosedur, peraturan dan polisi
- II Mewujudkan rantai arahan dan komunikasi
- III Mengagihkan sumber dengan cekap dan berkesan
- IV Mewujudkan hubungan secara peribadi dalam perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Maklumat berikut berkaitan bentuk insentif pekerja.

Puan Zureen bekerja sebagai Pengurus Pemasaran di Syarikat Buku Ali. Beliau memilih caruman KWSP 11% sebagai potongan wajib. Jumlah caruman KWSP bulanan Puan Zureen ialah RM 330.00

Berapakah gaji asas Puan Zureen yang dibayar oleh Syarikat Buku Ali?

- A RM 3960.00
 - B RM 3630.00
 - C RM 3300.00
 - D RM 3000.00
- 25 Antara berikut, yang manakah sumber fizikal dari aspek peralatan teknologi maklumat dan komunikasi?
- I Stok
 - II Mesin
 - III Telefon
 - IV Pencetak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 26 Apakah definisi harta intelek?
- A Hasil kreativiti atau ciptaan seseorang
 - B Hak eksklusif untuk suatu reka cipta
 - C Perjanjian bertulis antara pemilik dan pengguna
 - D Kemahiran seseorang dalam mencipta dan mengubah suai


- 27 Pilih sumber teknologi bagi sebuah syarikat penerbitan buku.
- A Komputer
 - B Telefon pintar
 - C Mesin pencetak
 - D Lesen perisian
- 28 Bagaimanakah sesebuah perniagaan melindungi sumber teknologi?
- A Mendaftar paten dan hak cipta terpelihara di MyIPO
 - B Meminta kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan
 - C Memohon lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - D Mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- 29 Apakah jenis modal yang diperlukan untuk membuka sebuah agensi pelancongan?
- I Jentera
 - II Inventori
 - III Wang tunai
 - IV Premis perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan perniagaan.

Tok Herry Char Kuetiau ingin membuka dua cawangan di Balik Pulau dan Batu Ferrenghi. Anggaran kos untuk membuka cawangan tersebut adalah sebanyak RM100 000.

- Apakah sumber pembiayaan yang sesuai digunakan oleh Tok Herry Char Kuetiau untuk membuka cawangannya?
- A Overdraf
 - B Jaminan kredit
 - C Bantuan modal
 - D Simpanan peribadi
- 31 Antara berikut, manakah merupakan kelemahan sumber pembiayaan daripada Maybank Finance Malaysia kepada seorang peniaga?
- I Cepat dan ringkas
 - II Memerlukan penjamin
 - III Memerlukan cagaran dalam bentuk harta atau aset tetap
 - IV Terdapat perlindungan cukai daripada pembayaran faedah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 32 Rajah yang berikut berkaitan dengan prosedur am bagi mendapatkan sumber pembiayaan.



Bagaimanakah X dapat membantu usahawan yang memohon pembiayaan?

- A Meyakinkan pihak pembiaya daya maju perniagaan
- B Mengetahui jenis perniagaan yang hendak dimulakan
- C Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh pembiaya
- D Membuat keputusan tentang jenis dan jumlah pembiayaan

- 33 Berikut ialah formula untung kasar.

$$\text{Untung kasar} = \text{Jualan bersih} - X$$

Apakah X?

- A Stok akhir
- B Kos jualan
- C Pulangan jualan
- D Kos barang untuk dijual

- 34 Pihak berkepentingan manakah yang memerlukan penyata kewangan untuk membuat keputusan memberikan kemudahan kredit dagangan kepada perniagaan?
- A Pelabur
 - B Pemilik
 - C Pembiaya
 - D Pembekal
- 35 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan margin untung kasar bagi Syarikat Teguh Sdn. Bhd. bagi tahun 2018 dan tahun 2019.

Jenis Nisbah	2018	2019
Peratusan margin untung kasar	40%	25%

- Pernyataan manakah yang betul?
- I Kos jualan syarikat menurun pada tahun 2019
 - II Syarikat kurang cekap menetapkan harga jualan
 - III Syarikat tidak mengawal kos jualan dengan cekap
 - IV Syarikat tidak cekap menguruskan liabiliti perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 36 Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan diri usahawan.

Usahawan perlu peka terhadap masalah kecil dan cuba untuk menyelesaikannya dengan cepat.


- Mengapakah usahawan perlu menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu ?
- A Melahirkan idea-idea baharu
 - B Memupuk minat keusahawanan
 - C Mengelak situasi yang merugikan usahawan
 - D Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna

- 37 Antara berikut, yang manakah perlu dipertimbangkan oleh seseorang individu yang ingin memulakan perniagaan sendiri?
- I Kedai yang cantik
 - II Pelanggan sedia ada
 - III Modal yang mencukupi
 - IV Pengalaman dan pengetahuan diri
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
38. Apakah dokumen yang diperlukan dalam prosedur pembiayaan perniagaan daripada bank?
- I Gambar lokasi
 - II Salinan bil utiliti
 - III Salinan kad pengenalan
 - IV Rekod jualan dan pembelian perniagaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39. Antara berikut, yang manakah prosedur pendaftaran perniagaan milikan tunggal?

- I Mengemukakan cadangan lokasi
 - II Mengemas kini maklumat perniagaan
 - III Mendapat kelulusan nama perniagaan
 - IV Mengisi borang pendaftaran perniagaan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV.

40 Rajah di bawah berkaitan aspek dalam pemasaran dan jualan produk.



Apakah aktiviti K?

- A Membolehkan output diperoleh pengguna
- B Membolehkan barang mampu berdaya saing
- C Menyedarkan pengguna akan kewujudan barang
- D Memastikan perniagaan memperoleh keuntungan

KERTAS SOALAN TAMAT